

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Tel. : 04- 657 5500
Faks : 04- 658 2500
Laman Web : <http://www.jpnpenang.edu.my>

Ruj. Tuan: UPSI/PLMI/LM/639/A242
Ruj. Kami: JPNPP.600-11/1/1Jld. **13(51)**
Tarikh: **30** Disember 2024

Prof. Madya Ts. Dr. Nurul Bahiyah binti Abd Wahid
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Latihan Mengajar dan Pembangunan Profesional,
Aras Bawah, Blok 9, Kampus Sultan Azlan Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan.

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr.,

KEBENARAN MENEMPATKAN GURU PELATIH TAHUN AKHIR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG (JPNPP) UNTUK MENJALANI LATIHAN MENGAJAR (LM), INTERNSHIP KAUNSELING (IK) DAN PRAKTIKUM KAUNSELING (PK) – FEBRUARI 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak JPNPP **tiada halangan** kepada guru pelatih UPSI untuk melaksanakan **Latihan Mengajar, Internship Kaunseling dan Praktikum Kaunseling** selama lapan (8) minggu yang akan bermula pada **24 Februari 2025** hingga **25 April 2025** dan juga selama enam belas (16) minggu yang akan bermula pada **24 Februari 2025** hingga **26 Jun 2025**.
3. Bagi tujuan tersebut, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr., adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Bil. 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa** daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi **Kelulusan Permohonan** oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr., perlu memohon permit mengajar daripada Pendaftar Negeri bagi nama-nama seperti dalam senarai yang disertakan.
5. Pihak universiti/ institut pendidikan perlu memastikan pelajar mengisi borang permohonan untuk mendapat Permit mengajar di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP). **Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Permit Mengajar daripada JPNPP sebelum menjalani latihan mengajar boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani latihan mengajar.**
6. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada :
 - 6.1 **Seksyen 103(1) dan 2(a), 2(b) dan 2(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);**

...2/-

- 6.2 Seksyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550); dan
- 6.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1985: Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti.

7. Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya, membatalkan sesuatu permit mengajar dengan memberi notis bertulis kepada pemegang permit itu.

8. Disamping itu, pihak YBhg. Prof. Madya Ts. Dr., juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

- 8.1 **Mendapat Persetujuan dari Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah terlibat;**
- 8.2 Pihak sekolah akan melantik guru pembimbing dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru pelatih berkenaan;
- 8.3 Pihak Pengetua / Guru Besar boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual / tugas guru pelatih berkenaan setelah berbincang dengan guru pembimbing mereka;
- 8.4 Guru pelatih boleh diarahkan oleh Pengetua untuk terlibat sama dengan mana-mana program / aktiviti sekolah;
- 8.5 Pihak universiti / institusi pendidikan bertanggung-jawab sepenuhnya terhadap kebajikan guru pelatih sepanjang menjalani latihan tersebut;
- 8.6 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan mengajar hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak universiti / institusi pendidikan;
- 8.7 Guru pelatih yang menjalani latihan di sekolah-sekolah seluruh Pulau Pinang adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
- 8.8 Salinan laporan di akhir latihan mengajar hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar **dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 8.9 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah terlibat;

- 8.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian; dan
- 8.11 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa;
9. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik-balik surat kelulusan/kebenaran ini sekiranya pihak YBhg. Prof. Madya Ts. Dr., gagal mematuhi syarat dan peraturan yang sedang berkuat-kuasa.
10. Kelulusan ini **[Kebenaran menempatkan Guru Pelatih Tahun Akhir Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Sekolah-Sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk menjalani Latihan Mengajar (LM), Internship Kaunseling (IK) dan Praktikum Kaunseling (PK) – Februari 2025]** hanya untuk tujuan seperti yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 26 Jun 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD DZIAUDDIN BIN MAT SAAD)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Telefon: 04-652 1013

s.k. 1. Fail berkenaan

**SEKTOR PENGURUSAN SEKOLAH
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG**


Senarai semak permohonan Permit Mengajar di Institusi Pendidikan Kerajaan

Bil	Perkara	Kuantiti	Sila (/)
1.	Borang permohonan permit mengajar (Borang A)	1 Asal 1 Salinan (Sila pastikan gambar dilekatkan dahulu pada borang asal sebelum dibuat Salinan)	
2.	Gambar terbaharu berukuran passport (Berpakaian kemas, sopan dan sesuai)	2 keping (1 Dilekatkan di borang Asal) (1 Dikepilkan)	
3.	Salinan kad pengenalan	2 Salinan	
4.	Surat pengesahan pelajar dari Universiti/ Institusi Pendidikan pemohon (Pelajar Praktikal)	1 Salinan	
5.	Surat kebenaran menjalankan Latihan mengajar dari KPM (Pelajar Praktikal)	1 Salinan	
6.	Surat kebenaran menjalankan Latihan mengajar dari JPN (Pelajar Praktikal)	1 Salinan	
7.	Surat tawaran perolehan perkhidmatan (Personel MYSTEP)	1 Salinan	
8.	Laporan Perubatan (Perakuan perubatan daripada pegawai perubatan berdaftar dengan KKM)	1 Salinan	
	Bayaran Fi proses & Permit Mengajar	RM 40.00	

PERHATIAN:

- 1) Kesemua bayaran hendaklah dibuat secara **TUNAI** kepada Unit Akaun, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.
- 2) Waktu operasi pembayaran bagi permohonan / pembaharuan permit mengajar adalah pada setiap hari **SELASA & KHAMIS** sahaja dari jam 8.00 pg – 12.30 tgh & 2.00 ptg – 4.00 ptg.

BORANG A
BAHAGIAN I
UNTUK DIISI OLEH PEMOHON



1. Nama Penuh:.....

2. Jantina:.....

Alamat:.....

.....

Poskod: No.Telefon:

3. Butir-butir kelahiran (diisi oleh warganegara):

Tempat lahir (Negeri):..... Tarikh lahir:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Tarikh Dikeluarkan:

4. Butir-butir diri (diisi oleh bukan warganegara):

Kewarganegaraan:.....

No.Pasport:.....

Tarikh tamat tempoh:.....

Tempat dikeluarkan:.....

5. No.permit kerja (jika berkenaan):.....

Tarikh tamat tempoh permit kerja:.....

6. Butir-butir mengenai kelayakan akademik dan ikhtisas: *(sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)*

Bil.	Kelayakan akademik/ikhtisas	Institusi	Tahun

7. Pengalaman bekerja: *(sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)*

Bil.	Jawatan	Alamat Majikan	Tempoh

8. Jika pernah memiliki permit mengajar, sila nyatakan:

No.permit mengajar:.....

Negeri yang mengeluarkan permit:.....

Tarikh tamat tempoh:.....

9. Kategori institusi pendidikan yang dipohon:

Kategori	Sila tandakan (/)	Tempoh Permit (maksimum 5 tahun)
A) Institut Pendidikan Kerajaan		
B) Sekolah Swasta		
C) Sekolah Swasta(Agama)		
D) Sekolah Swasta(Pendidikan Khas)		
E) Sekolah Menengah Persendirian Cina		
F) Sekolah Antarabangsa		
G) Sekolah Ekspatriat		
H) Pusat Latihan/Kemahiran		
I) Pusat Bahasa		
J) Pusat Komputer		
K) Pusat Tuisyen		
L) Pusat Bimbingan/Pembelajaran		
M) Pusat Perkembangan Minda		
N) Tadika		
O) Institut pendidikan lain		

BAHAGIAN II
AKUAN OLEH PEMOHON

Saya No.K.P./Pasport:.....
(*Nama pemohon*)

Dengan sesungguhnya mengaku bahawa:

- (a) Pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen yang dikepilkkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya ;
- (b) Saya tidak pernah disabitkan atas pertuduhan berkenaan dengan –
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain di bawah mana-mana undang-undang.

Ditandatangani dan diakui oleh pemohon :

.....
(Tandatangan)

.....
(Tarikh)

BAHAGIAN III
UNTUK DIISI OLEH KETUA PENDAFTAR

Keputusan Ketua Pendaftar:

Diluluskan

Tidak Diluluskan

Bil.	Kategori	Tahun

Cop Rasmi:

.....
(Tandatangan Ketua Pendaftar)

.....
(Tarikh)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan yang diluluskan:

No. permit mengajar:.....

Jumlah bayaran (RM):.....

Tandatangan:..... Tarikh:.....

Jawatan:.....